

Projek Kampung Baru batal

(P)
KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan membatalkan cadangan pembangunan semula dan pengambilan balik tanah Kampung Baru kerana kos pampasan kepada pemilik terlalu tinggi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, cadangan berkenaan yang diwartakan mengikut Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah, 1960 dibatalkan oleh kerajaan, 5 Disember lalu.

Beliau berkata ketika mengambil keputusan membangunkan semula Kampung Baru, kerajaan menganggarkan kos pengambilan balik tanah bagi

kawasan 16.37 hektar (40.94 ekar) ialah \$66 juta.

Bagaimanapun, katanya, setelah pengambilan balik tanah diwartakan dan penilaian terperinci dibuat, didapati kos pengambilan balik tanah dianggarkan berjumlah \$414.18 juta.

"Kadar ini berkemungkinan menjadi lebih tinggi sekiranya pemilik tanah menuntut pampasan yang lebih tinggi di mahkamah selaras dengan nilai pasaran semasa hartanah di kawasan persekitaran Kampung Baru," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Menjawab soalan Shaidan Kassim (BN-Arau),

Dr Mahathir berkata, sebagai gantinya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menyediakan pelan perspektif jangka panjang untuk tempoh 30 hingga 50 tahun akan datang bagi Kuala Lumpur.

"DBKL akan memamerkan Pelan Susunatur Kampung Baru sebagai sebahagian daripada 'pelan tempatan' Bandaraya Kuala Lumpur dan seterusnya untuk dihebahkan kepada orang ramai, khasnya pemilik tanah di Kampung Baru," katanya.

Beliau berkata, DBKL juga akan memastikan pemilik tanah di Kampung Baru akan mematuhi Pe-

lan Susunatur Kampung Baru apabila membangunkan tanah milik mereka mulai sekarang dan pada masa depan.

Dr Mahathir berkata, pemilik tanah yang tidak berupaya atau enggan membangunkan tanah mereka selaras dengan pelan itu, boleh meminda hak milik hartanah mereka kepada agensi kerajaan atau pihak swasta dengan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya kerajaan membayar kos pampasan pengambilan tanah yang

LIHAT MUKA 2

Projek batal sebab sikap penduduk

DARI MUKA 1

B.H - 7 MAY 1992

tinggi, projek pembangunan Kampung Baru akan terjejas dan tidak ramai orang Melayu yang akan berkemampuan membeli atau menyewa kedai serta bangunan dengan harga atau sewaan yang amat tinggi.

"Dengan mengambil pertimbangan perkara ini, kerajaan mengambil keputusan yang berbeza sebagaimana yang diputuskan sebelum ini bagi kepentingan penduduk Kampung Baru," katanya.

Menjawab soalan tambahan Ibrahim Ali (BN-Pasir Mas), Dr Mahathir berkata, pembatalan cadangan pembangunan dan pengambilan balik tanah di Kampung Baru tidak mungkin berlaku jika penduduk kawasan itu bersetuju dengan harga tanah yang dicadangkan oleh kerajaan.

"Kerajaan tidak berupaya mengambil balik tanah pada harga yang ditawarkan kerana peruntukan dalam Tanah Rizab Melayu menyebut, jika kerajaan mahu mengambil tanah berkenaan, ia harus mengikut nilai harga tanah kawasan berdekatan.

"Dalam hal ini, kerajaan harus mengikut nilai tanah Kampung Baru dengan kawasan yang berhampiran dengannya. Tanah di Kuala Lumpur meningkat \$1,000 sekaki persegi," katanya.

Beliau berkata, kerana ia berkaitan dengan undang-undang, kerajaan ti-

dak boleh berbuat apa-apa untuk mengurangkan harga tanah di Kampung Baru.

Perdana Menteri, ketika menjawab soalan tambahan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), juga berkata penduduk Kampung Baru yang berkemampuan boleh membangunkan tanah mereka mengikut 'pelan tempatan' dengan pihak-pihak yang berminat.

"Mereka boleh menjual atau membangunkan tanah mereka di Kampung Baru, kerajaan tidak boleh melarang," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, DBKL yang menyediakan pelan perspektif jangka panjang untuk 30 dan 50 tahun akan datang bagi Kuala Lumpur yakin Kuala Lumpur berkeupayaan menampung penduduk seramai 3.5 juta.

"Pendapat ini berasaskan bahawa lebih kurang 20,000 ekar tanah di Kuala Lumpur boleh dibangunkan semula," katanya.

Mengenai cadangan menjadikan Jalan Sultan Ismail sebagai jalan membeli-belah, Perdana Menteri berkata, cadangan itu bergantung kepada sumbangan dan penyertaan swasta terutama pemaju yang mempunyai tanah di kawasan itu.

Katanya, DBKL hanya menyediakan konsep itu dan akan memastikan pemaju turut mematuhi konsep 'shopping street' itu.